



SIARAN AKHBAR

**PROGRAM LAWATAN KERJA ROMBONGAN
YB MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
KE LADANG TERNAKAN UDANG LAUT DALAM KOLAM SYARIKAT GOLDEN
CORPORATION SDN BHD, SG. PENYATANG, TELISAI DAN STESYEN PAM
BEKALAN AIR LAUT, KAMPUNG KERAMUT, DI DAERAH TUTONG
2 MAC 2020**

Tutong, Isnin, 2 Mac 2020 – Satu rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hari ini telah membuat lawatan ke Tapak Perusahaan Ternakan Udang di Sungai Penyatang, Telisai dan Stesyen Pam Bekalan Air Laut Kampung Keramat di Daerah Tutong. Lawatan ini adalah merupakan beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi melihat dengan lebih dekat perkembangan industri perikanan di kawasan berkenaan.

Lawatan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dimulakan di Tapak Ternakan Udang Sungai Penyatang seluas 200 hektar yang dipunyai oleh Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diberikan penerangan oleh Pengarah Syarikat, Awg Richard Chuang Hsi Shan mengenai operasi ladang berkenaan, dan Pengarah Syarikat seterusnya melihatkan demonstrasi alat *Automated Water Quality* yang dapat mempamerkan data parameter air dalam kolam-kolam ternakan udang di ladang tersebut seperti kadar kemasinan, kadar larutan oxygen, suhu dan lain-lain parameter air melalui sistem sensor dan elektronik berkomputer menggunakan teknologi 'Internet of Things' (IOT).

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kemudiannya dibawa menyaksikan aktiviti penuaian udang vannamei di kawasan Zon A, ladang Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd. Sejumlah 3 tan metrik udang telah diperolehi daripada hasil tuaian pada hari ini. Dengan tuaian hari ini juga menjadikan **setakat ini jumlah keluaran udang laut dari ladang ini berjumlah 104 tan metrik yang terdiri dari 44 tan metrik udang vannamei dan 60 tan metrik udang harimau sehingga bulan Mac, 2020**. Syarikat ini **mensasarkan keluaran udang berjumlah 2,000 tan metrik dengan nilai \$15.98 juta pada tahun 2020**. Semasa lawatan tersebut, pihak Media juga berkesempatan menemubual YB Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Pengarah Syarikat.



Udang vannamei ini baru diperkenalkan untuk ditenak di Negara Brunei Darussalam bermula bulan Oktober 2019 sebagai spesies tambahan bagi perusahaan ternakan udang laut di Negara ini, selain daripada spesies udang rostris dan udang harimau yang sedia ada. Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd juga mempunyai perusahaan yang berintegrasi bagi keseluruhan rantai ternakan udang iaitu dari perkembangan induk, penetasan, semaian, pembesaran (grow-out) dalam kolam dan pemrosesannya. Selain dari tapak di Sungai Penyatang seluas 200 hektar ini, Syarikat ini juga mengusahakan ternakan udang rostris dan vannamei di tapak-tapak ternakan di Kg Keramut, Telisai seluas 31 hektar dan di Sg. Paku seluas 25 hektar selain dari melaksanakan skim 'contract farming' dengan beberapa buah syarikat pengusaha ternakan udang laut dalam kolam yang lain.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya dibawa melihat ke kemudahan stesyen pam air laut, Kampung Keramut yang disediakan oleh Jabatan Perikanan sebagai bantuan Kerajaan bagi memudahkan operasi perusahaan ternakan udang laut dalam kolam pengusaha-pengusaha udang di kawasan Tapak Ternakan Udang Kg. Keramut. Stesyen pam tersebut adalah kritikal bagi membekalkan air laut bagi operasi ladang-ladang udang laut di kawasan tersebut. Stesyen pam air laut berkenaan akan dinaiktaraf bagi memastikan air laut adalah mencukupi dan konsisten untuk dibekalkan ke ladang-ladang perusahaan ternakan udang laut dalam kolam kawasan Kg. Keramut yang keseluruhannya berjumlah 92 hektar.

Turut menyertai rombongan lawatan kerja ini ialah Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Pemangku Pengarah Perikanan dan Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan Perikanan.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERIKANAN

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

7 Rejab 1441

2 Mac 2020